

29 JUL 1999

Mahathir-Sibuk

DR MAHATHIR PUNYA ATURCARA SIBUK DI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang mengadakan lawatan kerja dua hari ke Terengganu bermula hari ini mempunyai aturcara yang sibuk.

Beliau yang tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini pada pukul 8.50 pagi disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri Puan Seri Aishahtun Suhaimi.

Perdana Menteri turut diiringi Setiausaha Agung Umno yang juga Menteri Penerangan, Datuk Seri Khalil Yaakob.

Yang turut menyambut Perdana Menteri di lapangan terbang ialah Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor, Ketua Penerangan Umno Malaysia, Datuk Dr Mohd Yusof Nor, para pemimpin Barisan Nasional (BN) dan pegawai-pegawai kerajaan serta 600 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Wisma Darul Iman untuk menghadiri perjumpaan tertutup dengan Jawatankuasa Perhubungan Umno negeri pada pukul 9.30 pagi sebelum mengadakan perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan kerajaan negeri dan persekutuan di Dewan Besar Wisma Darul Iman.

Beliau kemudiannya akan menghadiri majlis makan tengah hari bersama-sama pegawai dan kakitangan kerajaan di U2, Wisma Darul Iman pada pukul 1 tengah hari.

Pada sebelah petang pula, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin-pemimpin Umno negeri di Dewan Konvensyen Wisma Darul Iman yang dijangka dihadiri kira-kira 300 orang.

Perdana Menteri kemudiannya akan menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat dan meletakkan batu asas tapak projek perumahan awam di Kubang Parit, di sini pada pukul 5 petang. Dijangka kira-kira 18,000 hingga 25,000 orang akan hadir pada majlis itu.

Selepas itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan bertolak ke Dungun pada pukul 8 malam untuk menghadiri majlis perjumpaan dengan pesilat negeri di Padang Astaka, Dungun.

Esok, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan nelayan di Kampung Seberang Pintasan, Dungun serta menyampaikan komputer kepada anak-anak nelayan yang terpilih.

Sejurus selepas majlis itu, Dr Mahathir akan bertolak ke Lapangan Terbang Kerteh pada pukul 10.30 pagi dan satu sidang media akan diadakan di situ sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas pada pukul 11.30 pagi.

-- BERNAMA

sbs sn rhm